



## Graduan Menganggur: Di Mana Silapnya?

Malaysia telah merangka Wawasan 2020 sebagai pelan lonjakan kemajuan negara, namun pandemik COVID-19 yang berlaku telah memberi implikasi yang besar kepada sektor ekonomi dan pembangunan. Sektor pekerjaan antara sektor yang terjejas dengan kenaikan kadar pengangguran yang mana **Jabatan Perangkaan Malaysia** telah merekodkan terdapat peningkatan kadar pengangguran kepada 4.9 peratus pada Januari 2021 berbanding 4.8 peratus pada Disember 2020.

Banyak pekerja menganggur disebabkan sektor pekerjaan terjejas apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan berikutan penularan pandemik COVID-19 termasuklah sektor pelancongan, penerbangan, perniagaan, industri kreatif, perumahan, pembuatan, perniagaan, sumber manusia, perubatan swasta, perkhidmatan profesional, pertubuhan bukan kerajaan (Non-Governmental Organization), pertanian dan perladangan.

### Kadar pengangguran meningkat

Kajian oleh sebuah firma penyelidikan pasaran (IPSOS) mendapati bahawa kebimbangan terhadap pengangguran meningkat kepada 40 peratus semasa pandemik COVID-19 berbanding tahun sebelumnya. Data tinjauan yang dibuat juga menunjukkan sebanyak 62 peratus rakyat Malaysia mencatatkan kebimbangan terhadap wabak COVID-19 yang turut sama mempengaruhi ekonomi negara disebabkan kebimbangan untuk membuat sebarang bentuk aktiviti luar termasuklah bekerja.

Antara golongan yang turut terkesan dengan masalah pengangguran ini adalah dalam kalangan belia. Selain penularan wabak COVID-19, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong kadar pengangguran belia di Malaysia terus meningkat. Antaranya ialah kurangnya penguasaan bahasa Inggeris oleh graduan, permintaan rendah majikan untuk kursus diambil graduan dan terlalu memilih pekerjaan.

### Kebolehpasaran graduan melebihi 80 peratus

Hari Konvokesyen sememangnya hari yang membanggakan dan menggembirakan bagi ramai graduan, namun hari graduasi bukanlah pengakhiran kepada semua perjuangan sebaliknya ia merupakan semboyan yang menandakan bermulanya perjalanan dan perjuangan bagi para graduan dalam melangkah ke alam pekerjaan dan sebagainya.

Ada graduan yang meneruskan kecemerlangan dengan mendapat pekerjaan. Tidak kurang juga, ada yang membuat keputusan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, ada juga yang kurang bernasib baik kerana mereka masih bergelut dalam mencari pekerjaan dan kemelut pengangguran.

Berdasarkan statistik, kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia berada pada kadar melebihi 80 peratus dicatatkan sejak 2018 iaitu sebanyak 80.2 peratus. Manakala kebolehpasaran belia pada 2020 sebanyak 84.4 peratus berbanding 86.2 peratus pada 2019 iaitu tahun sebelum krisis.

### Sistem pendidikan tunjang utama modal insan

Secara amnya, sistem pendidikan merupakan penyumbang utama dan tunjang kepada pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Selain menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi

kini, ia merupakan katalis kepada kreativiti dan penjana inovasi yang mempersiapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi keseluruhannya.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak universiti dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran kerja untuk para graduannya haruslah dipuji. Sebagai contoh, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengambil langkah proaktif dan terkehadapan dengan menambah pelbagai intervensi dalam meningkatkan kebolehpasaran para graduannya. Seminar GE (Graduate Employability) dan Program Kebolehpasaran Graduan Nasional yang dianjurkan merupakan bukti keprihatinan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak universiti dalam menangani isu ini.

Dalam era digitalisasi dan pandemik COVID-19 ini, para graduan harus sentiasa mempersiapkan diri mereka menghadapi masa hadapan yang tidak menentu. Graduan harus pantas beradaptasi dan melakukan penyesuaian sendiri dalam mengharungi era norma baharu. Selain mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dalam bidang yang diceburi, para graduan haruslah melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, serta memperkasakan daya tahan dan melengkapkan diri dengan tujuh tunjang utama kemahiran insaniah.

Keupayaan berkomunikasi, berinisiatif, berfikiran kritikal dan sentiasa berkeyakinan merupakan antara elemen penting yang memaparkan keterampilan graduan yang mampu memikat hati majikan dalam pasaran kerja.

#### Graduan perlu bijak ambil peluang

Syukurlah, di atas keprihatinan pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah mengambil langkah proaktif dan wajar menyediakan pelbagai inisiatif sokongan kepada graduan dengan memberi fokus meningkatkan kebolehpasaran melalui program Penjana KPT-CAP (Career Advancement Programme). Penjana KPT-CAP merupakan langkah yang diambil kerajaan dalam usaha mengatasi pengangguran dan mengurangkan lambakan graduan dalam sektor pekerjaan. Ia memfokuskan kepada tiga teras utama iaitu program latihan dan perantisan, padanan pekerjaan berpanduan kelayakan graduan dan pembangunan bakat keusahawanan.

Justeru, para graduan haruslah memanfaatkan ruang dan peluang yang ada ini agar apa jua ilmu dan kemahiran yang digali semasa di universiti dapat digunakan untuk berbakti kepada nusa dan bangsa. Ingatlah, setiap kejayaan tidak akan datang bergolek. Para graduan haruslah sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan diri dan bertekad menjadi individu yang berkualiti dari segenap aspek agar mereka dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan graduan lain di peringkat global.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2046026>